

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2017/2018**

NAMA KURSUS : BIMBINGAN DAN KAUNSELING  
KOD KURSUS : BBD 30302  
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2017/JANUARI 2018  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA PULUH SATU (31) MUKA SURAT

**SULIT**

## SULIT

BBD 30302

**S1** Apakah prinsip bimbingan yang perlu dipatuhi oleh seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling semasa mengendalikan sesi bimbingan?

- A Bersedia menerima klien mengikut keadaan
- B Sentiasa mengutamakan klien dalam perbincangan
- C Menyelesaikan masalah klien dengan kadar segera
- D Berpengetahuan dan berkemahiran supaya dapat menyelesaikan semua masalah kliennya

**S2** " Kaunseling merupakan satu proses perhubungan monolog yang sistematik bagi membantu perkembangan secara menyeluruh "

Antara berikut, manakah yang benar mengenai tujuan kaunseling dilakukan?

- I. Memberi maklumat
- II. Memberi sokongan
- III. Menyelesaikan konflik
- IV. Membuat keputusan

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D Semua di atas

**TERBUKA**

**S3** Berikut adalah perbezaan bimbingan dan kaunseling, kecuali

- A Bimbingan memerlukan aplikasi teori dan pengetahuan
- B Dalam bimbingan terdapat kaunseling
- C Kaunseling ialah pertemuan bersemuka diantara kaunselor dan klien
- D Kaunseling mempunyai garis panduan kod etika

**S4** Perkhidmatan kaunseling melibatkan proses kaunseling dengan pelajar secara individu atau kelompok. Apakah yang dinyatakan oleh Crow (1990) berkaitan konsep kaunseling?

- A Proses menolong individu untuk memahami diri dan alam sekelilingnya
- B Bimbingan atau bantuan yang diberikan oleh seseorang sama ada lelaki atau perempuan yang memiliki peribadi yang baik dan pendidikan yang sempurna di setiap peringkat manusia
- C Proses interaktif yang menyatukan kaunseling yang memerlukan pembantu dan seorang kaunselor yang terlatih serta berpendidikan untuk memberi bantuan
- D Sesuatu yang unik dan dapat membantu hubungan antara kaunselor dan klien

**S5** Di dalam kaunseling kelompok terdapat seorang kaunselor yang berinteraksi dengan beberapa orang klien (biasanya 6 orang). Interaksi sebegini bertujuan untuk memudahkan pemahaman sendiri yang lebih dalam serta penerima sendiri yang lebih baik. Berikan ciri-ciri utama kaunseling kelompok?

- I. Ia memberi fokus kepada pemikiran sedar dan tingkah laku
- II. Ia menggalakkan interaksi terbuka
- III. Fasilitator merupakan penggerak yang penting
- IV. Kaunselor memaksa klien mengikut cadangan yang diberikan

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II, dan III
- D Semua di atas

**S6** Apakah tujuan unit bimbingan dan kaunseling di sekolah teknik dan kolej vokasional terhadap pelajar?

- I. Membantu pelajar menyelesaikan masalah
- II. Membantu menonjolkan lagi karisma pelajar
- III. Mengurangkan gejala buli dan ponteng
- IV. Membantu guru dalam pengajaran

- A I dan III
- B I dan II
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

**S7** Berikut adalah contoh salah laku yang berlaku di sekolah, kecuali

- A membuli
- B meniru
- C saling hormat menghormati
- D bergaduh

**TERBUKA**

**S8** Kementerian Pelajaran Malaysia telah membahagikan kategori kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar kepada tiga jenis bahagian iaitu berat, sederhana dan ringan. Antara yang berikut, apakah contoh kesalahan berat?

- I. Mencuri
- II. Berjudi
- III. Merosakkan harta benda
- IV. Mengusik guru perempuan

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S9** Manakah antara berikut merupakan kepentingan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling?

- I. Membantu pelajar berkembang dalam semua bidang
- II. Membantu pelajar membuat pilihan sesuai dalam semua peringkat persekolahan
- III. Memastikan pelajar yang bermasalah dikenakan hukuman setimpal
- IV. Mengenalpasti pelajar yang memerlukan pertolongan khas

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

**S10** Antara berikut yang manakah bukan kepentingan Bimbingan dan Kaunseling terhadap pelajar?

- A Mengembangkan potensi murid dalam semua bidang
- B Memotivasikan diri pelajar
- C Dapat membantu pelajar membuat pilihan dan persediaan kerjaya
- D Membentuk pelajar yang agresif dan membuli pelajar lain

**TERBUKA**



S11 Antara yang berikut yang manakah menerangkan maksud ketetapan bimbingan yang paling tepat?

- A Perbuatan atau sifat yang merangkumi menepati janji, mengurus masa, bahagi dan guna masa sepenuhnya, menggunakan jadual waktu dalam perancangan aktiviti harian, bertindak tidak berlengah-lengah untuk menyiapkan kerja serta tak menangguhkan kerja yang telah diamanahkan kepadanya
- B Kemahiran menentukan atau memilihkan kesahihan maklumat-maklumat tersebut yang terdapat di dalam laman sesawang
- C Proses atau prosedur yang sistematik bagi membuat pertimbangan dalam mentafsir hasil pengukuran, yang bertujuan untuk memberi maklumat tentang pencapaian akademik, kemahiran atau sikap individu tersebut
- D Merujuk kepada proses pendidikan yang membantu individu untuk membuat keputusan yang baik bagi pertumbuhan minda, sosial, intelek, fizikal, emosi dan kerohanian

S12 “Kaunselor seharusnya sentiasa menggunakan bahasa yang ringkas, mudah dan tepat semasa sesi kaunseling diadakan. Jika kaunselor perlu mencelah dan membantu klien menyatakan apa yang tersembunyi di hati klien. Kadangkala sesetengah perkataan yang klien sampaikan susah difahami oleh kaunselor. Oleh itu seseorang kaunselor perlu peka dan cepat memahami penggunaan bahasa atau perkataan dalam konteks sesi perbincangan yang hendak disampaikan oleh seseorang klien.”

Penyataan diatas merujuk kepada sifat – sifat yang perlu ada pada seorang kaunselor. Pilih ciri yang paling tepat.

- A Penerimaan dan Kemesraan (*Acceptance and Warmth*)
- B Tidak Menghukum (*Non Judgemental*)
- C Ketulenan (*Genuiness*)
- D Ketepatan (*Specificity*)



TERBUKA

S13 “Tugas seorang kaunselor adalah menyampaikan ilmu serta memberi tunjuk ajar sehingga dapat difahami dengan sepenuhnya oleh pelajar. Penyampaian ilmu tersebut menjadi kurang efektif sekiranya kaunselor itu sendiri tidak menguasai apa yang disampaikan.”

Penyataan di atas merujuk kepada sifat – sifat yang perlu ada pada seorang kaunselor. Pilih ciri yang paling tepat.

- A Ketulenan (*Genuiness*)
- B Ketepatan (*Specificity*)
- C Penerimaan dan Kemesraan (*Acceptance and Warmth*)
- D Tidak Menghukum (*Non Judgemental*)

- S14** Berikut merupakan ciri-ciri seorang kaunselor yang baik kecuali
- A pemahaman terhadap budaya dan latarbelakang klien
  - B berjenaka ketika sesi kaunseling dijalankan
  - C mengadili atau menghakimi klien
  - D membuat pemerhatian terhadap klien dan meletakkan diri di tempat klien
- S15** Mengapakah kemahiran berjenaka adalah penting dalam sesi kaunseling?
- A Mewujudkan suasana yang mesra bersama-sama klien
  - B Supaya dapat mentertawakan permasalahan klien
  - C Untuk menyelesaikan masalah klien
  - D Mengisi masa yang terluang di dalam sesi kaunseling
- S16** Matlamat utama kaunseling adalah mengeratkan hubungan di antara kaunselor dengan klien. Apakah perkara yang membolehkan kaunselor membina perhubungan yang baik dengan klien?
- A Membina melalui sikap yang suka membantu orang lain
  - B Kawasan sekeliling yang kondusif
  - C Mengenal lebih mendalam di antara kedua kaunselor dan klien
  - D Mengambil berat terhadap keadaan klien
- S17** Kaunselor hendaklah mengelakkan pendekatan soal selidik digunakan kepada klien semasa sesi mengenalpasti punca masalah. Hal ini demikian kerana
- A menyebabkan klien merasa takut dan terancam
  - B menyebabkan klien marah
  - C menyebabkan klien tidak selesa
  - D menyebabkan klien malas bercerita
- S18** Berikut adalah perkara yang perlu diambil perhatian semasa sesi penamatan kecuali
- A memeriksa samada masalah telah dikurangkan atau dihapuskan
  - B menilai kebolehan untuk menangani persoalan klien
  - C memeriksa samada klien dapat mencapai kebolehan untuk merancang dan bekerja dengan produktif
  - D membiarkan klien menyelesaikan masalahnya sendiri

**S19** Seorang pelajar yang telah dihantar oleh guru kelas mendiamkan diri semasa sesi kaunseling individu berlangsung. Tindakan terbaik yang boleh dilakukan oleh seorang guru kaunseling ialah

- A Membiarkan pelajar bersendirian
- B Memberikan tekanan pada tingkah laku pelajar
- C Menunggu pelajar memulakan perbualan secara sukarela
- D Membina hubungan

**S20** “Kaunselor boleh memberi panduan kepada klien tentang kemahiran-kemahiran yang perlu bagi mencapai matlamatnya. Klien di waktu ini digalakkan untuk meneroka masalah dan perasaannya bagi mencapai kesedaran sendiri”

Pernyataan di atas merujuk kepada langkah-langkah yang boleh diambil oleh kaunselor pada peringkat

- A Penyediaan sesi
- B Bina perhubungan
- C Penerokaan masalah
- D Mengenalpasti punca masalah

**S21** Kaunselor boleh menunjukkan kemahiran mendengar dengan beberapa cara seperti berikut kecuali

- A menyatakan semula
- B menggambarkan semula
- C mengabaikan
- D memberikan respon

**TERBUKA**

**S22** Pernyataan di bawah merupakan teknik meminta penjelasan daripada klien. Berikut merupakan pernyataan yang benar kecuali

- A Minta penjelasan hanya yang relevan dengan topik yang sedang dibincangkan dan gunakan soalan terbuka agar klien tidak menjawab dengan 'ya' atau 'tidak' sahaja
- B Meminta klien menjawab dengan cepat, padat dan ringkas
- C Elakkan meminta terlalu banyak penjelasan pada satu masa yang sama. Elakkan soalan yang terlalu mengarah (*leading*). Elakkan menyoal atau meminta penjelasan seolah-olah klien sedang dibicarakan di mahkamah (*Cross examination*)
- D Seandainya anda kabur atau keliru, akui kekaburan tersebut. Cuba nyatakan semula apa yang anda rasa anda telah dengar melalui parafrasa ataupun minta penjelasan lanjut



## SULIT

BBD 30302

**S23** Menggelak kekeliruan dan ketidaksefahaman merupakan salah satu tujuan memparafrasa. Berikan tujuan kemahiran memparafrasa yang lain

- I. Mengulangi semula kepada klien kata-kata yang baru disebutkan
- II. Menjelas dan memberikan tumpuan kepada apa yang klien baru sebutkan
- III. Memberitahu klien bahawa kaunselor mendengar apa yang diperkatakan
- IV. Mencelah perbualan klien semasa sesi kaunselor berjalan

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

**S24** Berikan maksud empati yang dinyatakan oleh Kurpius, 1986.

- A. Satu interaksi yang berlaku antara dua orang individu dan dan dikekalkan sebagai satu cara untuk menolong perubahan tingkah laku
- B. Proses menolong individu memahami dirinya dan alam sekelilingnya
- C. Memahami dan bersimpati nasib yang menimpa ke atas klien
- D. Memahami orang lain melalui sendiri dalaman orang itu (rangka rujukan) yang dijadikan sebagai asas bagi memahaminya dan berkomunikasi dengannya

**S25** Antara berikut yang manakah merupakan kemahiran merumus?

- I. Merumus keseluruhan
- II. Merumus isi
- III. Merumus perasaan
- IV. Merumus fizikal

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

**TERBUKA**



S26 Antara berikut yang manakah menerangkan mengenai definisi kaunseling menurut perspektif Islam?

- A Dilihat lebih member kesan yang menyeluruh bagi hidup seseorang muslim mempunyai liputan skop masalah yang lebih besar iaitu yang berkaitan dengan keimanan seseorang seperti aspek ketuhanan
- B Ia lebih tertumpu kepada perubahan tingkahlaku klien ke arah lebih rasional dan mengikut garis normal hidup sebagai manusia
- C Jujur, nasihat yang baik dan penasihat yang jujur. Pengertian ini dipetik melalui istilah Nasuha dalam al-Quran yang bermaksud member nasihat secara jujur, bertindak jujur dan berniat baik
- D Satu proses apabila klien diberi peluang untuk meneroka aspek diri dan kehidupan yang menimbulkan permasalahan baginya

S27 Tujuan asas teori pemusatan klien adalah untuk mencipta suasana yang kondusif dalam usaha membantu klien menjadi seorang yang dapat berfungsi dengan sepenuhnya, Rogers (1961) menyatakan beberapa ciri manusia yang menuju kearah kesempurnaan sendiri ialah

- I. kesediaan menerima, merasai dan mengalami realiti sebenar
- II. yakin pada diri sendiri
- III. klien dipandu perasaan dan pemikiran sendiri
- IV. kesediaan untuk terus berkembang

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

TERBUKA

S28 "*Rogers (1961) telah mengemukakan konsep kemesraan dan pentingnya hubungan yang rapat antara kaunselor dengan kliennya.*"

Roger menekankan bahawa untuk mendapat perubahan tingkah laku yang baru adalah tanggungjawab klien itu sendiri. Teori ini amatlah sesuai bagi kes klien yang dibincangkan dalam kajian ini kerana berdasarkan penekanan beberapa aspek. Berikut merupakan aspek di dalam teori Rogers mengenai perubahan tingkah laku kecuali

- A Penerimaan tanpa syarat
- B Klien bertanggungjawab untuk mendapatkan kesedaran diri serta bertindak
- C Fokus ditumpukan kepada fenomena dan dunia dalaman klien
- D Klien digalakkan memahami persepsi sebenar

**S29** Di dalam teori psiko analisis terdapat kepribadian yang terbahagi kepada tiga (3) sistem utama. Tiga (3) sistem tersebut ialah, id, ego dan super-ego. Manakah antara berikut yang menerangkan mengenai super-ego?

- A Merupakan bahagian personaliti tidak sedar yang berfungsi sebagai stor penyimpanan untuk keinginan manusia, dan didorong oleh tenaga libido untuk memotivasikan tingkahlakunya. Ia juga dikatakan komponen biologi yang mementingkan keseronokan dan wujud sejak lahir
- B Mula wujud sejak bayi berusia 6 bulan, merupakan bahagian personaliti yang mengandungi pemikiran realistik dan logik yang tersusun, serta berfungsi mengawal id supaya keinginannya tidak melanggar nilai dan norma masyarakat
- C Lebih menyerupai hati nurani atau conscience seseorang individu. Ia juga dikatakan bahagian personaliti yang bermoral dan berkembang secara beransur-ansur oleh pengaruh persekitaran seperti didikan moral dan agama. Ia merupakan cabang moral dan mewakili perkara yang individu percaya tidak patut dilakukan
- D Ia dianggap sebagai satu elemen struktur semulajadi, satu elemen yang diwarisi dan sedia ada di dalam diri manusia dan merupakan satu gejala bawah sedar dan ia merupakan satu tenaga yang primitif

**S30** Menurut Rogers (1961), terdapat enam keadaan yang akan membawa kepada perubahan personaliti. Antara berikut yang manakah benar mengenai perubahan personaliti?

- I. Ahli terapi yang kongruen
- II. Ahli terapi menerima klien tanpa sebarang syarat
- III. Ahli terapi merasai apa yang dirasa, dilihat, dialami klien dan berusaha menyampaikan perasaan persepsi dan pengalaman klien
- IV. Klien hendaklah merasai, melihat dan mengalami bahawa ahli terapi memang sedia menerima tanpa syarat.

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

**TERBUKA**

**S31** Berikut adalah tanggungjawab sebagai seorang kaunselor kecuali

- A Mengamalkan kemahiran mengurus tingkah laku tersebut
- B Menyempurnakan tugas yang diberikan
- C Merancang untuk mengukuhkan tingkah laku klien yang wajar
- D Membantu klien di luar kawasan untuk memastikan masalah tersebut dapat di selesai dengan kadar segera

- S32 Sesi kaunseling memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan. Apakah matlamat utama dalam proses menjalankan sesi kaunseling?
- A Menolong individu mencari cara yang berkesan untuk memenuhi keperluan untuk dipunyai, berkuasa dan berseronok
  - B Mencari masalah pelanggan dan membantunya menyelesaikan masalah tersebut
  - C Mempengaruhi individu supaya menurut jalan penyelesaian darinya.
  - D Memberi nasihat dan memastikan individu atau pelanggan mendengarnya.
- S33 Kaunseling perlakuan merupakan salah satu kaedah dalam sesi kaunseling. Apakah peranan seseorang individu dalam kaunseling perlakuan?
- A Membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada kaunselor
  - B Hormat dalam membantu kaunselor menjalani proses kaunseling
  - C Memberi tindak balas yang pasif apabila kaunselor mula menasihati
  - D Tidak menjalani temujanji pada waktu dan tepat
- S34 Berikut adalah teori konsep realiti kecuali
- A fokus kepada tingkah laku
  - B menumpukan kepada situasi masa kini
  - C menggunakan pendekatan denda
  - D lebih menekankan kepada aspek bertanggungjawab individu
- S35 Teori reality yang diasaskan oleh William Glasser (1966) ialah merupakan cabang teori kognitif. Senaraikan lebih terperinci tentang teori tersebut.
- I. Teori ini menegaskan manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan serta bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut
  - II. Berorientasikan tingkah laku secara menyeluruh yang melibatkan komponen *doing, thinking, feeling* dan *physiology*
  - III. Teori ini menolak konsep sakit jiwa yang dipelopori oleh teori psikoanalisis.
  - IV. Teori ini dijadikan pengukur untuk memastikan peratusan sikap mereka
- A I dan II
  - B II dan III
  - C I, II dan III
  - D Semua di atas

**TERBUKA**



**S36** Yang manakah tiga aspek utama ditekankan dalam Teori Terapi Rasional Emotif (RET):

- I. Kognitif
- II. Psikomotor
- III. Tingkah Laku
- IV. Emosi

- A I dan II
- B II dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**S37** Berdasarkan pernyataan yang diberikan di bawah, susun semula peringkat Proses Kaunseling Rasioanal Emotif Behavioral mengikut susunan yang betul.

- I. Membimbing klien supaya mendedahkan tingkah laku emotif dan behavioral di bawah sistem Model ABC.
- II. Menggunakan teknik pertikai dari masa ke semasa untuk melatih klien mencabar kepercayaan tidak rasionalnya.
- III. Kaunselor membantu klien membezakan kepercayaan rasional dan tidak rasional dan memahami bagaimana kepercayaan rasional membawa hasil positif manakala kepercayaan tidak rasional membawa kepada hasil negatif.
- IV. Membina hubungan kaunselor-klien dengan teknik mendengar secara empatik dan membina iklim yang kondusif

- A I, II, III, IV
- B IV, I, III, II
- C IV, II, III, I
- D IV, III, II, I

**TERBUKA**

**S38** Berikut merupakan kelebihan Rasional Emotif kecuali

- A pendekatan ini cepat sampai kepada masalah yang dihadapi oleh klien
- B klien merasakan diri mereka mempunyai keupayaan intelektual dan kemajuan dari cara berfikir
- C klien yang terlalu berprasangka terhadap logik, sehingga sukar untuk mereka menerima analisa logik
- D klien merasakan diri mereka mempunyai keupayaan yang intelektual dan kemajuan dari cara berfikir



S39 Pilih pernyataan yang betul untuk Teori *Gestalt*.

- I. Satu pendekatan secara holistik yang menilai setiap aspek dalam pengalaman individu dengan seimbang. Pakar tidak membenarkan *figure-formation process* untuk memberi klien hala tuju.
- II. Berfungsi seiring dengan idea unik tentang perubahan. Ahli terapi cuba mengubah apa-apa tentang klien. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran klien terhadap sesuatu.
- III. Pendekatan kreatif yang memanfaatkan eksperimen yang mengubah klien daripada hanya bercakap kepada aksi dan pengalaman.
- IV. Berfungsi sebagai penerapan daya tumpuan klien.

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III sahaja

S40 Pendekatan Gestalt dipengaruhi oleh dua pendekatan yang berbeza. Apakah pendekatan itu?

- A Eksistensial dan Fenomenologikal
- B Kognitif dan Emotif
- C Psikososial dan Psikoseksual
- D Fenomenologikal dan Psikososial

**TERBUKA**

S41 Di antara berikut adalah jenis perkhidmatan bimbingan di sekolah, kecuali

- A perkhidmatan penempatan
- B perkhidmatan kebajikan
- C perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kelompok
- D perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah

S42 Berikut adalah benar menerangkan tentang prinsip bimbingan, kecuali

- A Bimbingan adalah untuk semua murid, untuk perkembangan diri mereka
- B Fokus utama bimbingan ialah pencegahan masalah sementara ia masih boleh di kawal
- C Ia mesti dilakukan secara kolaboratif dengan kakitangan lain di sekolah
- D Semua guru di sekolah boleh menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling kepada murid

- S43** Apakah Perkhidmatan Penilaian yang diterapkan dalam konteks bimbingan dan kaunseling?
- A Menilai modul atau model bimbingan sebelum dilaksanakan di peringkat sekolah
  - B Membantu pihak pentadbir dan staf sekolah dalam memahami dengan mendalam mengenai program bimbingan di sekolah
  - C Membantu ibu bapa atau penjaga pelajar dalam hal berkaitan dengan kebajikan pelajar
  - D Menubuh dan melatih pasukan Pembimbing Rakan Sebaya dan menyelia aktiviti mereka
- S44** Kaunseling kelompok merupakan salah satu daripada jenis perkhidmatan kaunseling yang terdapat dalam jenis-jenis perkhidmatan di bilik bimbingan dan kaunseling. Berdasarkan contoh situasi di bawah, manakah situasi paling tepat untuk kaunselor memberi bimbingan kaunseling kelompok?
- A Kamal dan kawan-kawannya selalu bergaduh di belakang bangunan sekolah kerana mereka suka membuli pelajar-pelajar baru di sekolah tersebut
  - B Keluarga Sarah sering memarahinya kerana tidak mendapat prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan
  - C Guru matematik kelas Fahmi selalu pilih kasih pada pelajar yang pandai sahaja
  - D Akmal tidak disukai oleh kawan-kawannya kerana sikapnya yang suka menyendiri
- S45** Di dalam perkhidmatan kaunseling sekolah, berapakah jenis kaunseling yang ada?
- I. Kaunseling kumpulan
  - II. Kaunseling individu
  - III. Kaunseling persendirian
  - IV. Kaunseling kelompok.
- A I dan II
  - B II dan IV
  - C I dan IV
  - D III dan IV

**TERBUKA**

**S46** Apakah yang dimaksudkan dengan bimbingan pelajaran?

- A Membantu pelajar dalam membuat keputusan yang betul agar tidak salah memilih tempat untuk menyambung pelajaran
- B Menerangkan serba sedikit mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di sesebuah IPT
- C Salah satu bantuan yang diberikan kepada pelajar dalam bentuk maklumat yang berkaitan dengan pendidikan, cara belajar yang efektif, pemilihan jurusan, melanjutkan pelajaran, mengatasi masalah belajar serta bagaimana mereka mampu menyesuaikan diri terhadap kehendak IPT
- D Bimbingan pendidikan sebagai bantuan yang diberikan kepada pelajar agar dapat memilih program yang sesuai

**S47** Berikut merupakan objektif maklumat pekerjaan di Sekolah Rendah, kecuali

- A menerapkan sifat ingin berkerja lebih mendalam berbanding menyambung pelajaran
- B menarik perhatian murid kepada pelbagai soalan ganjaran, faedah dan kepuasan yang boleh diperolehi dari bekerja
- C membentuk dan mengembangkan sikap yang sihat terhadap semua bidang pekerjaan
- D menjadikan kanak-kanak sedar akan adanya berbagai-bagai jenis pekerjaan dan pekerja

**S48** Apakah tujuan utama diadakan perkhidmatan maklumat peribadi sosial?

- A Memberikan atau menyediakan jenis maklumat yang akan membantu seseorang menerima dirinya dan orang lain
- B Memahami masalah hubungan antara perseorangan
- C Memilih pengalaman secara individu dan dalam kumpulan yang akan menghasilkan peribadi sosial yang lebih baik
- D Mengenali sesetengah daripada kebolehan dan sifat – sifat keperibadian yang diperlukan untuk berjaya dalam kebanyakan pekerjaan

**S49** Berikut merupakan proses perancangan kerjaya, kecuali

- A Mengetahui diri anda
- B Mencari jalan penyelesaian
- C Mengetahui minat pelajar
- D Membuat keputusan

**TERBUKA**

**SULIT**

BBD 30302

**S50** Terdapat lima (5) peringkat perkembangan kerjaya yang sangat penting untuk diketahui iaitu

- A peringkat pertumbuhan – pengukuhan – penerokaan – pengekalan – kemerosotan
- B peringkat pertumbuhan – penerokaan – pengukuhan – pengekalan – kemerosotan
- C peringkat pertumbuhan – pengekalan – pengukuhan – penerokaan – kemerosotan
- D peringkat kemerosotan – pertumbuhan - penerokaan – pengukuhan – pengekalan

**S51** “Cikgu Atikah merupakan seorang kaunselor yang peramah dan digemari oleh pelajar di sekolahnya. Beliau sentiasa terbuka untuk mendengar permasalahan yang dikongsi daripada pelajar. Sikap beliau sebagai seorang pendengar yang baik membuatkan pelajar berasa percaya dan selamat apabila berkongsi masalah bersama beliau”.

Berdasarkan situasi di atas, pilih sifat kaunselor yang bersesuaian dengan kenyataan tersebut.

- A. Tidak menghukum
- B. Ketulenan
- C. Ketepatan
- D. Penerimaan dan Kemesraan

**S52** Antara ciri yang baik dalam diri seorang kaunselor adalah tidak mudah menghukum. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang sifat tidak mudah menghukum.

- I. Mendengar cerita keseluruhan sebelum melakukan tindakan
- II. Mendengar dari ramai pihak yang terlibat untuk mengetahui cerita sebenar
- III. Mendengar dari pihak yang ditindas sahaja
- IV. Hukuman terus diberikan kepada pelajar yang terlibat

- A. I sahaja
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**



- S53** Terdapat lima prinsip etika kaunselor kecuali
- A. kemurahan hati
  - B. autonomi
  - C. sopan santun
  - D. kejujuran
- S54** Kod tatalaku guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa adalah
- A. tanggungjawab terhadap keluarga
  - B. tanggungjawab terhadap masyarakat
  - C. tanggungjawab terhadap negara
  - D. tanggungjawab terhadap diri sendiri
- S55** Ciri - ciri bimbingan adalah
- I. inventori
  - II. taksiran
  - III. pencegahan
  - IV. pemulihan
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III dan IV
- S56** Masalah umum yang sering dihadapi oleh pelajar – pelajar di sekolah hari ini dapat di kategorikan kepada beberapa aspek seperti
- I. akademik
  - II. kesihatan mental
  - III. emosi
  - IV. gaya hidup
- A. I dan II
  - B. II dan IV
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S57** Akauntabiliti guru terhadap profesionnya dapat dikekalkan dengan langkah-langkah berikut kecuali
- A. menjalin hubungan yang baik dengan rakan sejawat
  - B. melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh hati
  - C. mematuhi semua peraturan yang dikuatkuasakan
  - D. meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan profesion
- S58** Seorang guru yang bertauliah perlu mempunyai sifat dan kualiti profesional yang tinggi untuk
- A. keselamatan dan kejayaan pelajar
  - B. kebajikan dan pembinaan sahsiah
  - C. kemajuan murid dalam peperiksaan
  - D. keberkesanan dan kecekapan pengajaran dan pembelajaran
- S59** Manakah antara berikut bukan merupakan sifat seorang kaunselor?
- A. Tenang
  - B. Penerimaan
  - C. Ketulenan
  - D. Menghukum
- S60** Siapakah tokoh yang mencipta Teori Psikologi?
- A. Alfred Adler
  - B. Alfred Ellis
  - C. Albert Alfred
  - D. Adler Afred

**TERBUKA**

- S61** Teori Realiti telah diasaskan oleh William Glasser (1966), di mana Teori ini menegaskan bahawa manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan serta bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut.  
Berdasarkan kepada pernyataan di atas, menilai sendiri merupakan salah satu daripada lapan (8) proses teori realiti. Apakah yang dimaksudkan dengan menilai sendiri?
- A. Kauselor mesti menjalankan hubungan baik dengan klien
  - B. Klien diberi tanggungjawab menilai tingkah laku sendiri
  - C. Pelan ini mesti disemak dari semasa ke semasa
  - D. Tumpukan kepada tingkah laku semasa klien
- S62** Menurut pandangan tokoh-tokoh teori Behavioris terhadap manusia ialah manusia mampu memberi respons terhadap rangsangan yang sesuai dan apa yang telah mereka pelajari sahaja. Manakah antara tokoh-tokoh berikut yang merupakan tokoh dalam teori Behavioris?
- I. Ivan Pavlov
  - II. B.F. Skinner
  - III. Joseph Wolpe
  - IV. Hans Eysenck
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III dan IV
- S63** Kebebasan berfikir kepada klien, fokus kepada kesempurnaan diri dalam membina tingkah lakunya dan mementingkan emosi daripada unsur-unsur intelektualisme dalam hubungan kaunseling.  
Pernyataan ini menjelaskan tentang ciri-ciri berikut,
- A. Teori Permusatan Persorangan
  - B. Teori Kognitif
  - C. Teori Behavioris
  - D. Teori Rasional Emotif

**TERBUKA**

**S64** Terdapat lima prinsip etika dalam bimbingan iaitu *autonomy*, *beneficence*, *nonmaleficence*, *justice* dan *fidelity*. Antara berikut, yang manakah dimaksudkan dengan *fidelity*?

- A. Menghindari daripada melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada klien
- B. Kejujuran dan keikhlasan di antara klien dan kaunselor
- C. Berupaya untuk memahami implikasi dan akibat daripada pilihan yang dibuat
- D. Melakukan sesuatu yang baik dan berfaedah

**S65** Apakah yang dimaksudkan dengan bimbingan kerjaya menurut Suradi (1996)?

- A. Meliputi perkhidmatan dan aktiviti berkaitan dengan program kaunseling dan pendidikan kerjaya
- B. Meliputi aktiviti pemilihan pekerjaan, perancangan kerjaya, persediaan, penempatan, dan penyesuaian dalam pekerjaan.
- C. Merupakan proses menolong yang menfokuskan kepada kesedaran sendiri, minat, sikap yang melibatkan individu terlatih dan berlesen.
- D. Merupakan proses mendidik yang melibatkan maklumat-maklumat diberikan kepada pelajar dalam usaha untuk membantu pelajar bergerak maju.

**S66** Apakah tujuan bimbingan kerjaya?

- A. Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri mereka dan dapat mengidentifikasikan bidang pelajaran dan kerjaya yang sesuai dengan dirinya
- B. Peserta dapat mengetahui dimana mereka akan melanjutkan pelajaran
- C. Supaya pada masa akan datang tiada anak muda yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan
- D. Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri mereka dan dapat mengidentifikasikan bidang pelajaran

**TERBUKA**



**S67** Apakah fungsi bimbingan kerjaya?

- A. Bimbingan kerjaya adalah satu kesatuan proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya
- B. Bimbingan kerjaya adalah satu kesatuan proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya menguruskan diri dan mencipta kemandirian dalam memilih kerjaya yang sesuai
- C. Bimbingan kerjaya adalah satu kesatuan proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya mengarahkan diri dan mencipta kemandirian dalam memilih kerjaya yang sesuai
- D. Bimbingan kerjaya adalah satu proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya mencipta kemandirian dalam memilih pendidikan yang sesuai

**S68** Antara berikut, pilih prinsip bimbingan kerjaya yang betul.

- I. Seluruh pelajar mendapat kesempatan yang sama untuk mengembangkan dirinya dalam pencapaian kariernya secara tepat
  - II. Memahami bahawa karier adalah suatu jalan hidup dan pendidikan adalah sebagai persiapan dalam hidup
  - III. Pelajar hendaklah dibantu dalam mengembangkan pemahaman yang cukup memadai terhadap diri sendiri dan perkembangan sosial peribadi
  - IV. Bimbingan menekankan bagaimana sikap dalam menghadapi masalah yang timbul
- 
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. I, II, III, dan IV

**TERBUKA**

**SULIT**

BBD 30302

- S69** Bidang-bidang bimbingan terbagi kepada tiga (3) yaitu bimbingan pelajaran, kerjaya serta peribadi dan sosial. Apakah yang dimaksudkan dengan bimbingan pelajaran?
- A. Proses bantuan yang diberikan kepada individu agar dapat mengatasi masalah yang dihadapi dalam belajar
  - B. Proses yang dilakukan untuk membantu individu dalam memilih dan mempersiapkan suatu pekerjaan
  - C. Bantuan yang diberikan kepada individu dalam menyelesaikan masalah kompleks dan bersifat rahsia/peribadi
  - D. Proses perubahan belajar agar dapat mencapai hasil belajar yang optimal sesuai dengan kemampuan
- S70** Apakah contoh penyelesaian bagi bimbingan peribadi dan sosial?
- A. Menolong pelajar dengan mencadangkan pelbagai cara atau latihan yang boleh meningkatkan daya ingatan pelajar
  - B. Memberi panduan kepada pelajar yang mengalami masalah dalam menentukan aliran yang mereka ingin teruskan
  - C. Memberi motivasi serta nasihat yang membina kepada klien yang mempunyai masalah peribadi.
  - D. Mengadakan program mentor mentee.
- S71** Berikut merupakan tujuan bimbingan belajar. Pilih tujuan bimbingan belajar yang sesuai.
- I. Pengembangan sikap dan kebiasaan yang baik, terutama dalam mengerjakan tugas, dalam mengembangkan keterampilan
  - II. Membangunkan disiplin belajar dan terlatih, baik secara sendiri mahupun kelompok
  - III. Mengembangkan pemahaman dan pemanfaatan kondisi sosial dan budaya di lingkungan sekolah
  - IV. Memahami nilai-nilai yang ada dalam dirinya dan yang ada dalam masyarakat
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S72** Manakah antara berikut bukan bimbingan peribadi dan sosial?
- A. Membantu murid membuat pilihan dan persediaan kerjaya
  - B. Membimbing pelajar yang mempunyai personaliti yang pasif
  - C. Memberi pendedahan mengenai kesan masa hadapan mereka kepada pelajar yang bermasalah sekiranya mereka ingin meneruskan aktiviti negatif
  - D. Memberi dorongan kepada pelajar yang mengalami masalah mengenai keluarga mahupun rakan
- S73** Apakah fungsi utama ujian personaliti?
- I. Potensi diri
  - II. Tahap kemahiran
  - III. Keupayaan diri
  - IV. Minat seseorang
- A. I, II, III
  - B. I, III, IV
  - C. II, III, IV
  - D. Semua di atas
- S74** Holland menyatakan jenis personaliti yang perlu dicari keselarasannya bagi setiap individu adalah seperti berikut, kecuali
- A. realistik
  - B. artistik
  - C. sosial
  - D. politik
- S75** Ujian ini adalah untuk mengukur kebolehan, pengetahuan serta kemahiran pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Apakah jenis ujian yang diberikan pada pernyataan di atas?
- A. Ujian prestasi
  - B. Ujian diagnostik
  - C. Ujian pencapaian
  - D. Ujian kecekapan

**TERBUKA**

- S76** Antara berikut adalah kelebihan ujian objektif kecuali
- A. tidak memerlukan masa yang lama untuk menjawab
  - B. pemarkahan yang mudah
  - C. markah yang adil untuk pelajar
  - D. mengalakkan murid meneka jawapan
- S77** Berikut adalah contoh – contoh soalan esei terhad, kecuali
- A. nyatakan tiga kewajipan yang perlu anda lakukan untuk memulihara keharmonian
  - B. nyatakan kewajipan yang perlu anda lakukan untuk memulihara keharmonian
  - C. nyatakan dua ciri-ciri yang perlu ada sebagai seorang guru bimbingan
  - D. nyatakan tiga usaha yang perlu dilakukan sebagai seorang pelajar untuk merialisasikan wawasan 2020
- S78** Pilih pernyataan dibawah yang betul mengenai strategi penyualan dalam soalan konvengen.
- A. Mengingatkan pelajar kepada maklumat penting yang perlu mereka ketahui
  - B. Digunakan untuk meningkatkan penglibatan pelajar
  - C. Hanya memerlukan satu jawapan yang betul
  - D. Memerlukan pelajar menghubungkan idea-idea dan memperluaskan pemikiran mereka dan tidak hanya mengingat semula apa yang telah diketahui
- S79** Mohd Salleh (1993) menyenaraikan beberapa tujuan penggunaan ujian psikologikal dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Pilih tujuan yang benar berdasarkan tujuan yang disenaraikan
- I. Menolong pelajar (klien) membina keyakinan mereka pada konsep sendiri dan dapat menilai kedudukan dirinya yang sebenar
  - II. Membantu pelajar memilih bidang pengajian atau kursus dan pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan dan kesanggupannya
  - III. Meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar dari masa ke semasa
  - IV. Menolong klien membuat keputusan dalam masa-masa yang terdesak
- A. I, II, III
  - B. I, III, IV
  - C. II, III, IV
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**



**S80** Apakah konsep penting dalam penilaian?

- I. Kesahan
- II. Kebolehpercayaan
- III. Norma
- IV. Kestabilan

- A. I, II, III
- B. I, III, IV
- C. II, III, IV
- D. Semua di atas

**S81** Kesahan adalah sesuatu ujian yang baik dalam menghasilkan skor ujian yang sah dan boleh dipercayai. Berikut adalah jenis kesahan kecuali

- A. kandungan
- B. kriteria
- C. semasa /serentak
- D. kebolehpercayaan

**S82** Apakah yang dimaksudkan dengan kesahan ramalan?

- A. Sesuatu ujian untuk meramal kebolehan sebenar seseorang untuk menjalankan sesuatu ujian pada masa hadapan
- B. Menentukan setakat mana sesebuah ujian meliputi bidang yang hendak diuji
- C. Pencapaian seseorang dalam ujian itu sepadan dengan pencapaiannya dalam satu ujian lain yang diakui sah
- D. Mengesahkan kenyataan yang dibuat

**TERBUKA**

- S83** Apakah langkah yang perlu dilakukan oleh kaunselor sebelum memulakan sesi kaunseling?
- I. Mengenalpasti maklumat latarbelakang klien
  - II. Mengkaji deskripsi tugas klien
  - III. Menangguhkan sesi kaunseling dengan sengaja
  - IV. Menyediakan tempat dan masa yang sesuai untuk mengadakan sesi kaunseling
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas
- S84** Apakah langkah yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kaunselor sebelum memulakan sesi kaunseling?
- A. Mengkaji deskripsi tugas klien
  - B. Menghebahkan masalah klien
  - C. Mengenalpasti latarbelakang klien
  - D. Mengadakan sesi kaunseling pada masa dan tempat yang bersesuaian
- S85** Bimbingan dan kaunseling mempunyai teknik tertentu semasa mengendalikan sesi kaunseling. Apakah teknik tersebut?
- A. Kemahiran mendengar
  - B. Memberi respon
  - C. Memberi arahan
  - D. Parafrasa

**TERBUKA**

**S86** Kejayaan membina hubungan yang baik antara seseorang individu yang meminta pertolongan adalah penting dalam memulakan sesi kaunseling. Apakah maksud membina hubungan dari segi kaunseling?

- I. Mesra
- II. Mendengar
- III. Memahami
- IV. Tidak cepat membuat penilaian

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. II, III dan IV
- D. Semua diatas

**S87** Tujuan kaunselor meneroka permasalahan klien adalah untuk

- I. supaya kaunselor dan klien dapat memahami permasalahan dengan betul
- II. membantu klien menganalisis masalah dengan lebih objektif
- III. membantu klien mencapai kesedaran sendiri dan kelemahan diri
- IV. untuk berkongsi masalah klien kepada umum

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. I, III dan IV sahaja
- D. Semua di atas

**TERBUKA**

**S88** Kaunselor haruslah membincangkan cara alternatif untuk membantu klien menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien. Kemahiran yang dilakukan pada peringkat ini adalah untuk

- A. berkongsi masalah untuk menghilangkan rasa sedih
- B. membantu memperjelaskan semula punca masalah dan membentuk matlamat sesi.
- C. membenarkan klien melakukan sebarang tindakan
- D. membantu klien dalam memahami dirinya dalam hubungan dengan sosial.

**S89**

Tanpa perhatian, mendengar sahaja tidak akan membawa kesefahaman, maka komunikasi tidak akan wujud.

**Petikan S56**

Berdasarkan petikan di atas, siapakah tokoh yang menyatakan pernyataan tersebut?

- A. Augustu Comte
- B. Rogers
- C. Rain Water
- D. Karl Mart

**S90** Semua pernyataan di bawah adalah benar, kecuali

- A. kaunselor mestilah memahami tujuan klien yang berada di situ
- B. untuk mendapatkan maklumat yang terperinci, kaunselor perlu memberi fokus bukan sahaja kepada perkataan tetapi juga kepada nada dan cara yang diperkatakan
- C. kaunselor perlu mengelak daripada membuat penilaian kepada klien terlebih awal
- D. kaunselor tidak tahan berhadapan dengan gangguan-gangguan sama ada yang datang dari luar seperti bunyi bising atau gangguan dari dalam diri seperti bisik-bisikan hati sendiri

**TERBUKA**

**S91** Dalam penerokaan masalah, kaunselor perlu mengetahui ciri-ciri berikut, kecuali

- I. sejarah dan latar belakang
- II. kekuatan dan kelemahan klien
- III. keadaan kehidupan seharian seorang kauselor
- IV. membuat andaian awal tentang klien

- A. I, II, dan III
- B. I dan II
- C. III dan IV
- D. Semua di atas



- S92** Menamatkan sesi kaunseling merupakan peringkat terakhir yang dilakukan oleh seorang kaunselor. Antara berikut yang manakah punca sesi tersebut berlaku?
- A. Klien tidak menyukai cadangan dan pendapat kaunselor tersebut
  - B. Klien hanya menggunakan kaunselor sebagai tempat mengadu dan menyelesaikan masalah
  - C. Kaunselor menganggap diri tidak lagi dapat membantu klien
  - D. Kaunselor berasa tidak berpuas hati dengan sikap dan karakter klien terhadap dirinya
- S93** Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh klien selepas melalui sesi kaunseling?
- A. Mengambil tindakan yang kurang menimbulkan tekanan terhadap diri klien
  - B. Mengikut apa sahaja cadangan yang disarankan kaunselor secara bulat-bulat
  - C. Melaksanakan tindakan tanpa memikirkan kesan yang bakal dihadapi
  - D. Menjadikan masalah sebagai beban dalam hidup yang tidak mampu diselesaikan
- S94** Nyatakan tiga kategori klien untuk kaunseling individu atau ahli kaunseling kelompok dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah.
- I. Sukarela
  - II. Dijemput
  - III. Dipaksa
  - IV. Dirujuk
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II dan IV
- S95** Berikut adalah teknik-teknik teori Pemusatan Insan kecuali
- A. penerimaan tanpa syarat
  - B. empati
  - C. ketulenan
  - D. ketersamaan

**TERBUKA**

- S96** Nyatakan kepentingan unit bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar?
- I. Menyediakan perkhidmatan bimbingan dalam membantu klien menguasai kemahiran disiplin diri
  - II. Membimbing murid menghadapi masalah pembelajaran
  - III. Dapat membantu murid membuat pilihan dan persediaan kerjaya
  - IV. Menghukum dan menghakimi pelajar jika mempunyai masalah yang dihadapi
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II dan IV
- S97** Berikut adalah Kod Tatalaku Guru kecuai
- A. keadilan
  - B. menjaga hati klien
  - C. menjaga kepentingan klien
  - D. kerahsiaan
- S98** Berapakah prinsip di dalam REBT – *Rational Emotive Behaviour Therapy*?
- A. 7
  - B. 5
  - C. 6
  - D. 9
- S99** Antara berikut yang manakah bukan tugas seorang kaunselor muslim?
- A. Melatih klien membuat keputusan dalam batasan syarak
  - B. Merealisasikan diri klien dengan tujuan-tujuan yang halal dan berguna untuk diri dan sekeliling.
  - C. Menghalatuju klien kepada kesempurnaan sendiri melakukan tanggungjawab fardhu ain dan fardhu kifayah
  - D. Memaksa klien membuat keputusan secara terburu-buru

**TERBUKA**

**SULIT**

BBD 30302

**S100** Apakah kesan negatif terhadap sesebuah organisasi jika tidak mempunyai kaunseling?

- A. Orang disekeliling semakin berasa bangga
- B. Sesuatu masalah tidak akan selesai
- C. Tidak diberi panduan untuk mengatasi masalah dalaman
- D. Sesebuah organisasi semakin maju

**-SOALAN TAMAT-**

**TERBUKA**